

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE**  
**KAWASAN : SANDAKAN**

**SOALAN :**

**YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Lebuh Raya Pan Borneo Work Package 27A (Libaran Bypass) akan dijangka siap.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan projek untuk menaiktaraf Jalan Lintas Libaran yang menghubungkan jajaran Lebuhraya Pan Borneo dari persimpangan Sandakan Mile 32 ke bulatan Gum-Gum dengan anggaran jarak keseluruhan 22.5 km bukan merupakan skop asal pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah seperti yang dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah semasa menandatangani perjanjian bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pada 11 April 2016. Jalan Lintas Libaran tersebut merangkumi 4 pakej, di mana Pakej 4 telah dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan RP-2 RMK-11 oleh Jabatan Kerja Raya Sabah dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2017.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Sabah telah menghantar permohonan supaya baki 3 pakej jajaran tersebut dimasukkan sebagai skop tambahan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, namun pelaksanaannya adalah tertakluk kepada penelitian lanjut dari segi kewangan dan teknikal.

Sekian, terima kasih.